



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-Undang Perancangan Keluarga (Pindaan), 1966

DR.09/1984

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Perancang Keluarga 1966.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perancang Keluarga (Pindaan) 1984. Tajuk ringkas.

2. (1) Akta Perancang Keluarga 1966 yang, apabila mula berkuatkuasanya Akta ini, bolehlah dinamakan Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 dan yang dalam Akta ini disebut "Akta ibu", adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Family Planning" dan "family planning" di mana jua terdapat masing-masingnya dengan perkataan-perkataan "Population and Family Development" dan "population and family development". Pindaan am, pentafsiran sebutan-sebutan mengenai Akta Perancang Keluarga 1966 dan Lembaga Perancang Keluarga Negara. 42/66.

(2) Di mana, apabila mula berkuatkuasanya Akta ini, sebutan dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis mengenai Akta Perancang Keluarga 1966 atau Lembaga Perancang Keluarga Negara, sebutan itu masing-masingnya hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga atau Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.

(3) Pertukaran nama yang diperuntukkan oleh subseksyen (1) tidaklah menyentuh apa-apa hak atau tanggungan Lembaga atau menjadikan cacat apa-apa prosiding undang-undang yang dibawa oleh atau terhadapnya; dan apa-apa prosiding undang-undang

yang mungkin diteruskan atau dimulai oleh atau terhadapanya sebelum mula berkuatkuasa Akta ini bolehlah diteruskan atau dimulai di bawah nama barunya.

Pindaan
seksyen 5.

3. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan sebelum perkataan-perkataan “functions and duties” dalam subseksyen (1) perkataan “powers,”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “powers and duties” dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan “powers, functions and duties”.

Pindaan
seksyen 6.

4. Seksyen 6 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “powers or duties” dan “functions or duties” dengan perkataan-perkataan “powers, functions or duties”.

Pindaan
seksyen 7.

5. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “powers” dalam perenggan (e) perkataan “, functions”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Perancang Keluarga 1966 memandangkan bahawa nama bagi Lembaga Perancang Keluarga Negara akan bertukar menjadi “Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara”. Berikutan dengan itu segala sebutan mengenai “Family Planning” dan “family planning” sekarang ini masing-masingnya ditukar kepada “Population and Family Development” dan “population and family development”.

2. Pindaan-pindaan dalam *fasal* 3, 4 dan 5 menyeragamkan segala sebutan mengenai kuasa, fungsi dan kewajipan yang terdapat dalam berlainan bentuk pada masa kini.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U2) 1178.]